

25/09/1997

Peruntukan bendung jerebu ditambah (HL)

Hafifi Hafidz; Azizi Othman in Hong Kong
HONG KONG, Rabu - Kerajaan bersedia mengeluarkan lebih banyak peruntukan untuk membendung masalah jerebu yang melanda negara dengan memotong peruntukan lain yang tidak berapa penting dan perlu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata keputusan itu dibuat kerana kerajaan sedar masalah jerebu yang semakin meruncing di seluruh negara sekarang memerlukan penyelesaian segera.

"Bagi saya, kebajikan rakyat kita amat penting.

"Oleh itu, jika perlu membelanjakan lebih banyak (untuk menangani masalah itu), kita akan melakukannya.

"Kita tidak patut mengambil risiko apabila berurusan dengan isu keselamatan dan kesihatan rakyat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Renato Rugierro, pada Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Bank Dunia), di sini, pagi ini.

Bagaimanapun, Anwar berkata, kos untuk melawan jerebu yang paling buruk dalam sejarah negara sehingga memaksa keadaan darurat diisytiharkan di Sarawak, dijangka tidak begitu besar.

Ditanya yang mana lebih serius antara masalah jerebu dan krisis kewangan negara, Timbalan Perdana Menteri secara berseloroh berkata: "Di Hong Kong, krisis kewangan tetapi di Sarawak, jerebu. Di Malaysia, kedua-duanya."

Malaysia dilanda masalah jerebu yang sebahagian besarnya berpunca daripada kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera, musim kemarau berterusan dan kadar pencemaran kenderaan serta industri yang semakin meningkat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata, kerajaan bersedia mengkaji kemungkinan memindahkan penduduk Sarawak jika keadaan memaksa.

Indeks Pencemaran Udara (API) Sarawak mencatat paras berbahaya 839, pada jam 11 pagi semalam.

Semalam, lebih 1,200 anggota bomba Malaysia dihantar ke Indonesia untuk membantu memadam kebakaran hutan yang menyebabkan jerebu di negara Asean dan menjejaskan kesihatan berjuta-juta penduduk.

Menurut Anwar, isu berhubung jerebu juga dibangkitkan beberapa pengurus dana dan pelabur asing dalam pertemuannya dengan mereka, tetapi beliau memberitahu mereka Malaysia kini sudah membuat apa yang perlu.

"Kita juga sudah merayu kepada negara jiran lain untuk turut serta mengambil langkah mengatasi masalah terbabit kerana jerebu kini sudah menjejaskan sehingga ke Filipina," katanya.

Beliau juga menegaskan memang Malaysia berharap Indonesia dapat membuat lebih banyak usaha mengatasi jerebu dengan kerjasama pihak lain kerana ia kini bukan sahaja menjejaskan kebajikan dan kehidupan rakyat, malah juga ekonomi.

Bagaimanapun, Anwar berkata beliau juga memberitahu pelabur dan pengurus dana asing itu bahawa masaah jerebu bersifat sementara kerana Malaysia mempunyai tiupan angin monsun timur laut dan barat daya yang akan menghilangkannya.

Ditanya sama ada kerajaan membuat anggaran kerugian berikutan masalah jerebu, Anwar berkata pihaknya belum menyediakan perangkaan terbabit, tetapi yakin kosnya tidak terlalu besar.

(END)